

**DRB-HICOM UNIVERSITY OF AUTOMOTIVE MALAYSIA**  
**- MERCUTANDA TERKINI MALAYSIA DALAM MEMACU PENDIDIKAN**  
**AUTOMOTIF SERANTAU**

Pekan, Ahad, 21 Februari 2016 - DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU), mercutanda terkini dalam bidang pendidikan di Malaysia, hari ini, secara rasminya dilancarkan oleh KDYMM Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Paduka Duli Sultan Negeri Pahang Darul Makmur.

Perasmian Universiti ini disusuli dengan pemasyuran KDYMM Tengku Abdullah Ibni Sultan Ahmad Shah, Tengku Mahkota Pahang, sebagai Canselor pertama DHU. Turut sama hadir menyaksikan pemasyuran ini ialah Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh dan Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob.

Dikenali dahulunya sebagai International College of Automotive (ICAM), DHU dianugerahkan status universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada bulan Oktober 2015. Bersedia memegang peranan utama dalam bidang pendidikan automotif, DHU menyediakan pengalaman pembelajaran yang lengkap kepada penuntut yang ingin menyerlah dalam bidang automotif. DHU adalah satu-satunya universiti di ASEAN yang menawarkan ijazah sarjana muda, sarjana, dan program doktor falsafah yang berkaitan dengan ekosistem automotif dan juga pengajian peniagaan dan pengurusan seperti kewangan dan perakaunan.

DHU ditubuhkan tepat pada masanya bagi menyahut keperluan dalam mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, peranan utama DHU adalah sebagai pelengkap kepada industri automotif melalui pembangunan modal insan yang mampan.

"DHU berpegang kepada prinsip *OLEH INDUSTRI, UNTUK INDUSTRI* dan menawarkan pelbagai program dengan kurikulum yang menekankan kepada asas kemahiran pemikiran kritis, kemahiran komunikasi, dan menyemai ciri-ciri kepimpinan dan keusahawanan yang akan meningkatkan perkembangan intelek dan semangat bersaing para graduan," jelas Brig Gen (K) Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil, Pengarah Urusan Kumpulan, DRB-HICOM Berhad.

"DHU telah menghasilkan seramai 718 graduan, sebahagian besar berkhidmat dengan Kumpulan DRB-HICOM. Pada masa yang sama, seramai 10 graduan diploma sedang melanjutkan pelajaran di John Moores University, Liverpool, United Kingdom, di bawah tajaan anak syarikat Kumpulan DRB-HICOM".

Bertepatan dengan saranan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi agar mengabungkan kandungan pendidikan daripada tempatan dan luar negara, dan menjalin kursus berkembar dengan pelbagai IPT, DHU telah bekerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang dalam menawarkan Ijazah Pentadbiran Teknologi, serta bersama Universiti Multimedia untuk Ijazah Keusahawanan.

Pada hari yang sama, DHU mengadakan majlis konvokesyen buat kali ke tiga. Pelajar yang mendaftar memasuki kolej tiga tahun yang lalu, kini tamat pengajian daripada sebuah universiti. Sejumlah 230 graduan dari kohort kelapan, kesembilan dan kesepuluh menerima Diploma dalam bidang Kejuruteraan & Teknologi, dan juga Perniagaan & Pengurusan dari Canselor baru DHU, KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Ahmad Shah, yang menjadikan majlis ini lebih bermakna.

Bersempena dengan tiga majlis yang bersejarah ini, DHU telah mengadakan hari terbuka dalam usaha untuk mendekatkan masyarakat tempatan dengan DHU. Pengunjung dapat merasai sendiri suasana kehidupan universiti, kursus yang ditawarkan, melihat kemudahan universiti yang moden dan kawasan riadah yang terbentang luas.

Anak-anak syarikat Kumpulan yang berprofil tinggi seperti CTRM, DHAS, PUSPAKOM, KLB, dan KLAS juga telah mengadakan temuduga terbuka dan para pengunjung boleh meninjau peluang pekerjaan di dalam Kumpulan.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk seisi keluarga termasuklah gerai makanan, kawasan permainan kanak kanak, “race car simulator” dan juga go-kart. Kereta sports terbaharu Lotus iaitu Evora S400 yang baharu sahaja dilancarkan pada bulan ini turut dipamerkan di hari terbuka ini.

-Tamat-

---

#### **About DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU)**

*Poised to be the leader in Automotive Education, DHU provides the best education experience for those who want to excel in Automotive Industry. DHUs goal is to complement the automotive industry through sustainable development of human capital.*

*DHU is located within the DRB-HICOM Automotive Complex in Pekan. Established in 2nd April 2010, DHU is owned by HICOM University Sdn Bhd (HUCSB), a wholly owned subsidiary of DRB-HICOM Berhad. In addition to producing a cadre of skilled professionals and leaders to join the workforce of the automotive sector, DHU also serves as an institution that enables the Group’s automotive human resources to continuously upgrade their skills and knowledge.*

#### **For more information, please contact:**

Prof Garry Clayton  
Chief Executive Office,  
International College of Automotive  
Tel: 09-4242428  
Email: [garry@icam.edu.my](mailto:garry@icam.edu.my)

Shaik Abbas Ibrahim  
Head, Group Communications Division,  
DRB-HICOM Berhad  
Tel: 03- 2052 8007  
Email: [shaik.abbas@drb-hicom.com](mailto:shaik.abbas@drb-hicom.com)